

**P.U. (A) 377.**

**AKTA TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK 1984**

**PERATURAN-PERATURAN TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK 2012**

**SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN**

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Ketidakpakaian
3. Tafsiran

**BAHAGIAN II**

**PENDAFTARAN TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK**

4. Permohonan bagi pendaftaran
5. Perakuan pendaftaran
6. Nama taman asuhan kanak-kanak
7. Papan tanda

**BAHAGIAN III**

**PENGUSAHA TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK**

8. Kelayakan pengusaha
9. Kewajipan pengusaha

**BAHAGIAN IV**

**PENGURUS TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK**

10. Kelayakan pengurus
11. Kewajipan pengurus

## BAHAGIAN V

## PENYELIA TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK

Peraturan

12. Kelayakan penyelia
13. Kewajipan penyelia

## BAHAGIAN VI

PENGASUH KANAK-KANAK DAN PENGASUH KANAK-KANAK BERDAFTAR  
TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK

14. Kelayakan pengasuh kanak-kanak dan pengasuh kanak-kanak berdaftar
15. Kewajipan pengasuh kanak-kanak dan pengasuh kanak-kanak berdaftar
16. Pendaftaran pengasuh kanak-kanak
17. Pembatalan pendaftaran
18. Nisbah
19. Daftar pengasuh kanak-kanak dan pengasuh kanak-kanak berdaftar
20. Pemeriksaan daftar

## BAHAGIAN VII

## PEKERJA TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK

21. Kelayakan pekerja
22. Kewajipan pekerja

## BAHAGIAN VIII

## IBU ATAU BAPA ATAU PENJAGA KANAK-KANAK

23. Kewajipan ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak
24. Ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak hendaklah dimaklumkan mengenai keadaan kanak-kanak

## BAHAGIAN IX

## PREMIS DAN KELENGKAPAN TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK

25. Premis bagi taman asuhan kanak-kanak di rumah
26. Pengubahsuaian premis, dsb.

Peraturan

27. Luas lantai
28. Dapur atau pantri
29. Bilik air, dsb.
30. Pendawaian elektrik, dsb.
31. Penyenggaraan, dsb. premis taman asuhan kanak-kanak
32. Kelengkapan hendaklah disediakan di taman asuhan kanak-kanak
33. Kebersihan dan keselamatan kelengkapan
34. Buaian atau katil budak

**BAHAGIAN X**

**KESELAMATAN DAN PENCEGAHAN KEBAKARAN**

35. Nasihat mengenai pencegahan kebakaran
36. Gril hendaklah dipasang

**BAHAGIAN XI**

**PENYENGGARAAN REKOD**

37. Rekod

**BAHAGIAN XII**

**AKTIVITI TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK**

38. Jadual aktiviti
39. Kelulusan jadual aktiviti
40. Jadual aktiviti hendaklah dipamerkan
41. Penyeliaan aktiviti
42. Disiplin kanak-kanak

**BAHAGIAN XIII**

**MAKANAN, PEMAKANAN DAN AIR**

43. Jadual makan
44. Makanan
45. Air

## BAHAGIAN XIV

## KESIHATAN

## Peraturan

46. Kesihatan am kanak-kanak
47. Pemeriksaan perubatan
48. Penyakit berjangkit
49. Pertolongan cemas
50. Pengasingan sementara
51. Perlakuan yang dilarang di premis taman asuhan kanak-kanak

## BAHAGIAN XV

## KETIDAKPATUHAN

52. Ketua Pengarah hendaklah memberi arahan bertulis bagi ketidakpatuhan

## BAHAGIAN XVI

## PELBAGAI

53. Permohonan bagi kelulusan untuk menjalankan Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA
54. Perakuan Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA
55. Kecualian dan peralihan
56. Pembatalan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

JADUAL KEENAM

## AKTA TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK 1984

## PERATURAN-PERATURAN TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 23 Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012**.
- (2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2013.

**Ketidakpakaian**

2. Peraturan-Peraturan ini tidak terpakai bagi taman asuhan kanak-kanak yang ditubuhkan—
  - (a) oleh kedutaan asing atau firma asing; dan
  - (b) secara khusus bagi manfaat bukan warganegara.

**Tafsiran**

3. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“asuhan” ertinya—

- (a) menjaga, menyelia dan mendidik kanak-kanak di taman asuhan kanak-kanak;
- (b) menyediakan pengaturan yang cukup dan sesuai bagi pemberian makanan, pemakanan, rehat dan hiburan bagi kanak-kanak di taman asuhan kanak-kanak; dan
- (c) memastikan bahawa kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak di taman asuhan kanak-kanak adalah memuaskan;

“Jabatan Kesihatan” ertinya—

- (a) Jabatan Kesihatan atau Pejabat Kesihatan Daerah di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia; atau
- (b) jabatan kesihatan di bawah pihak berkuasa tempatan;

“Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak” ertinya Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak yang diiktiraf oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat;

“Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA” ertinya suatu kursus yang mengguna pakai Kurikulum Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan yang diluluskan oleh Jemaah Menteri dan diterima pakai oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat;

“pegawai perubatan” ertinya seorang pengamal perubatan berdaftar yang diambil bekerja oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri;

“pekerja” ertinya mana-mana orang yang diambil bekerja atau dilantik oleh pengusaha di bawah subperaturan 21(1) termasuklah seseorang yang diambil bekerja atau dilantik untuk menyediakan makanan bagi taman asuhan kanak-kanak selain pengurus, penyelia, pengasuh kanak-kanak dan pengasuh kanak-kanak berdaftar;

“Pelindung” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Kanak-Kanak 2011 [*Akta 611*];

“pengasuh kanak-kanak” ertinya seorang penjaga kanak-kanak yang disebut dalam perenggan 23(2)(e) Akta yang diambil bekerja atau dilantik oleh pengusaha di bawah subperaturan 14(3) untuk memberikan asuhan bagi kanak-kanak di taman asuhan kanak-kanak tetapi—

(a) belum menghadiri Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA; dan

(b) belum berdaftar dengan Ketua Pengarah di bawah peraturan 16;

“pengasuh kanak-kanak berdaftar” ertinya seorang penjaga kanak-kanak yang disebut dalam perenggan 23(2)(e) Akta yang diambil bekerja atau dilantik oleh pengusaha di bawah subperaturan 14(1) untuk memberikan asuhan bagi kanak-kanak di taman asuhan kanak-kanak dan berdaftar dengan Ketua Pengarah di bawah peraturan 16;

“pengurus” ertinya seorang yang diambil bekerja atau dilantik oleh pengusaha di bawah subperaturan 10(1) untuk menguruskan operasi sesuatu taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja, komuniti atau di institusi;

“pengusaha” ertinya orang yang didaftarkan berhubungan dengan taman asuhan kanak-kanak di bawah seksyen 7 Akta yang mengusahakan taman asuhan kanak-kanak;

“penyakit berjangkit” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*];

“penyelia” ertinya seorang yang diambil bekerja atau dilantik oleh pengusaha di bawah subperaturan 12(1) untuk menyelia asuhan kanak-kanak oleh pengasuh kanak-kanak atau pengasuh kanak-kanak berdaftar.

## BAHAGIAN II

## PENDAFTARAN TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK

**Permohonan bagi pendaftaran**

4. (1) Suatu permohonan bagi pendaftaran taman asuhan kanak-kanak di bawah seksyen 7 Akta hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah dalam Borang A Jadual Pertama oleh orang yang berikut:

- (a) berhubung dengan taman asuhan kanak-kanak di rumah, pengusaha taman asuhan kanak-kanak di rumah itu;
- (b) berhubung dengan taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja, pengusaha, pengurus atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pengusaha taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja itu; dan
- (c) berhubung dengan taman asuhan kanak-kanak komuniti atau di institusi, pengusaha atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pengusaha taman asuhan kanak-kanak komuniti atau di institusi itu.

(2) Bagi maksud pendaftaran di bawah subperaturan (1), Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai diberi kuasa boleh—

- (a) menghendaki pemohon untuk mengemukakan apa-apa maklumat tambahan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Ketua Pengarah; dan
- (b) memasuki dan memeriksa taman asuhan kanak-kanak untuk memastikan bahawa—
  - (i) taman asuhan kanak-kanak itu mematuhi semua kehendak yang berhubung dengan struktur premis, pencegahan kebakaran, kesihatan, kebersihan dan keselamatan kanak-kanak; dan
  - (ii) taman asuhan kanak-kanak itu dilengkapi dan diselenggarakan dengan secukup dan sesuainya.

(3) Jika pemohon tidak mengemukakan apa-apa maklumat tambahan di bawah perenggan (2)(a) dalam apa-apa tempoh yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah, atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Ketua Pengarah, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik tetapi dengan kebebasan memfailkan semula.

**Perakuan pendaftaran**

5. (1) Apabila berpuas hati bahawa syarat-syarat bagi pendaftaran sesuatu taman asuhan kanak-kanak telah dipatuhi dan apabila bayaran fi yang dinyatakan dalam butiran 1 Jadual Kedua diterima, Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan perakuan pendaftaran di bawah seksyen 11 Akta kepada pemohon dalam Borang B Jadual Pertama.

(2) Perakuan pendaftaran hendaklah diperbaharui tiap-tiap enam puluh bulan kalendar.

(3) Pengusaha boleh memohon kepada Ketua Pengarah bagi pembaharuan perakuan pendaftaran dalam Borang C Jadual Pertama.

(4) Apabila permohonan dan bayaran fi yang dinyatakan dalam butiran 2 Jadual Kedua diterima, Ketua Pengarah hendaklah memperbaharui perakuan pendaftaran dan mengeluarkan perakuan pendaftaran kepada pengusaha dalam Borang B Jadual Pertama.

(5) Jika—

- (a) terdapat apa-apa perubahan kepada butiran yang dinyatakan dalam perakuan pendaftaran yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah; atau
- (b) perakuan pendaftaran hilang atau musnah,

pengusaha hendaklah memohon kepada Ketua Pengarah bagi pengeluaran perakuan pendaftaran yang baru dalam Borang C Jadual Pertama dalam masa empat belas hari dari perubahan, atau kehilangan atau kemusnahan itu.

(6) Apabila permohonan dan bayaran fi yang dinyatakan dalam butiran 3 Jadual Kedua diterima, Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran baru dalam Borang B Jadual Pertama kepada pengusaha.

(7) Suatu perakuan pendaftaran hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di taman asuhan kanak-kanak.

#### **Nama taman asuhan kanak-kanak**

6. (1) Suatu taman asuhan kanak-kanak hendaklah menggunakan pada permulaan namanya—

(a) berhubung dengan suatu taman asuhan kanak-kanak di rumah—

- (i) perkataan “TASKA DI RUMAH” jika taman asuhan kanak-kanak itu menggunakan bahasa kebangsaan bagi namanya; atau
- (ii) perkataan “HOME BASED CHILD CARE CENTRE” jika taman asuhan kanak-kanak itu menggunakan bahasa Inggeris bagi namanya; dan

(b) berhubung dengan taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja, komuniti atau di institusi—

- (i) perkataan “TASKA” jika taman asuhan kanak-kanak itu menggunakan bahasa kebangsaan bagi namanya; atau
- (ii) perkataan “CHILD CARE CENTRE” jika taman asuhan kanak-kanak itu menggunakan bahasa Inggeris bagi namanya.

(2) Nama sesuatu taman asuhan kanak-kanak hendaklah sebagaimana yang didaftarkan dan diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.



**Papan tanda**

7. (1) Seorang pengusaha hendaklah menyebabkan suatu papan tanda diletakkan di tempat yang mudah dilihat di taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja, komuniti atau di institusi tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis yang mengawal selia papan tanda dan pengiklanan.

(2) Suatu papan tanda taman asuhan kanak-kanak yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah mempamerkan yang berikut:

- (a) nama taman asuhan kanak-kanak itu;
- (b) nombor rujukan kelulusan pendaftaran bagi taman asuhan kanak-kanak itu; dan
- (c) alamat lengkap dan nombor telefon taman asuhan kanak-kanak itu.

**BAHAGIAN III****PENGUSAHA TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK****Kelayakan pengusaha**

8. (1) Semua kategori taman asuhan kanak-kanak hendaklah mempunyai seorang pengusaha.

(2) Pengusaha taman asuhan kanak-kanak hendaklah merupakan seseorang yang—

- (a) berumur lapan belas tahun dan ke atas; dan
- (b) telah lulus Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA.

(3) Jika pengusaha taman asuhan kanak-kanak ialah suatu pertubuhan perbadanan—

- (a) sekurang-kurangnya salah seorang daripada pengarah ialah warganegara Malaysia;
- (b) semua pengarah hendaklah berumur lapan belas tahun dan ke atas; dan
- (c) sekurang-kurangnya salah seorang daripada pengarah telah lulus Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA.

(4) Jika pengusaha taman asuhan kanak-kanak ialah suatu perkongsian—

- (a) sekurang-kurangnya salah seorang daripada rakan kongsi ialah warganegara Malaysia;
- (b) semua rakan kongsi hendaklah berumur lapan belas tahun dan ke atas; dan
- (c) sekurang-kurangnya salah seorang daripada rakan kongsi telah lulus Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA.

- (5) Jika pengusaha taman asuhan kanak-kanak ialah suatu pertubuhan—
- (a) sekurang-kurangnya salah seorang daripada pemegang jawatan ialah warganegara Malaysia;
  - (b) semua pemegang jawatan hendaklah berumur lapan belas tahun dan ke atas; dan
  - (c) sekurang-kurangnya salah seorang daripada pemegang jawatan telah lulus Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA.

### **Kewajipan pengusaha**

9. (1) Seorang pengusaha hendaklah mempunyai kewajipan yang berikut:
- (a) untuk memaklumkan ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak dengan segera jika kanak-kanak itu memerlukan rawatan perubatan;
  - (b) untuk merujuk kanak-kanak dengan segera kepada pegawai perubatan untuk mendapatkan rawatan segera jika pengusaha itu mempercayai bahawa terdapat suatu wabak atau penyakit berjangkit yang boleh mengancam kesihatan kanak-kanak itu;
  - (c) untuk mengambil bekerja atau melantik seorang pengurus, penyelia, pengasuh kanak-kanak atau pengasuh kanak-kanak berdaftar, dan pekerja yang tidak mempunyai rekod jenayah yang berhubungan dengan keburukan akhlak, kesalahan seksual atau penderaan kanak-kanak di taman asuhan kanak-kanak;
  - (d) untuk memastikan bahawa pengurusan sesuatu taman asuhan kanak-kanak mematuhi kehendak mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan struktur permis, pencegahan kebakaran, kesihatan, kebersihan dan keselamatan kanak-kanak; dan
  - (e) untuk mematuhi semua syarat yang dikenakan oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 8 Akta.
- (2) Pengusaha hendaklah mengemukakan senarai pengurus, penyelia, pengasuh kanak-kanak, pengasuh kanak-kanak berdaftar dan pekerja taman asuhan kanak-kanak, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada Ketua Pengarah dalam masa tiga puluh hari dari pendaftaran taman asuhan kanak-kanak itu.
- (3) Pengusaha hendaklah memaklumkan Ketua Pengarah mengenai apa-apa perubahan dalam senarai yang dikemukakan kepada Ketua Pengarah di bawah subperaturan (2) dalam masa empat belas hari dari tarikh perubahan itu.
- (4) Seseorang pengusaha yang tidak mematuhi subperaturan (1), (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

## BAHAGIAN IV

## PENGURUS TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK

**Kelayakan pengurus**

10. (1) Pengusaha taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja, komuniti atau di institusi hendaklah mengambil bekerja atau melantik seorang pengurus bagi taman asuhan kanak-kanak itu.

(2) Pengurus hendaklah seorang yang—

- (a) merupakan warganegara Malaysia;
- (b) berumur lapan belas tahun dan ke atas; dan
- (c) telah lulus Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA.

**Kewajipan pengurus**

11. (1) Seorang pengurus hendaklah mempunyai kewajipan yang berikut:

- (a) untuk menguruskan hal ehwal pentadbiran sesuatu taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja, komuniti atau di institusi;
- (b) untuk menjalani pemeriksaan perubatan dalam masa satu bulan selepas diambil bekerja atau dilantik sebagai pengurus taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja, komuniti atau di institusi; dan
- (c) untuk mematuhi semua syarat yang dikenakan oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 8 Akta.

(2) Seseorang pengurus yang tidak mematuhi subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

## BAHAGIAN V

## PENYELIA TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK

**Kelayakan penyelia**

12. (1) Pengusaha taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja, komuniti atau di institusi hendaklah mengambil bekerja atau melantik seorang penyelia bagi taman asuhan kanak-kanak itu.

(2) Penyelia hendaklah seorang yang—

- (a) merupakan warganegara Malaysia;
- (b) berumur lapan belas tahun dan ke atas; dan
- (c) telah lulus Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA.

**Kewajipan penyelia**

13. (1) Seorang penyelia hendaklah mempunyai kewajipan yang berikut:
- (a) untuk menyelia pengasuh kanak-kanak, pengasuh kanak-kanak berdaftar dan pekerja sesuatu taman asuhan kanak-kanak;
  - (b) untuk menyelaraskan semua aktiviti yang dirancang di taman asuhan kanak-kanak;
  - (c) untuk memaklumkan pengusaha dengan segera, atau jika pengusaha tiada, ibu atau bapa atau penjaga, jika kanak-kanak itu memerlukan rawatan perubatan;
  - (d) untuk memaklumkan pengusaha dengan segera, atau jika pengusaha tiada, untuk merujuk kanak-kanak dengan segera kepada pegawai perubatan untuk mendapatkan rawatan segera, jika penyelia itu mempercayai bahawa terdapat suatu wabak atau penyakit berjangkit yang boleh mengancam kesihatan kanak-kanak itu;
  - (e) untuk memastikan bahawa—
    - (i) makanan bagi kanak-kanak disediakan dan dibuat mengikut skala diet yang dinyatakan dalam Jadual Keempat; dan
    - (ii) kanak-kanak diberi susu mengikut kaedah penyusuan yang dinyatakan dalam Jadual Kelima;
  - (f) untuk menjalani pemeriksaan perubatan dalam masa satu bulan selepas diambil bekerja atau dilantik sebagai penyelia taman asuhan kanak-kanak; dan
  - (g) untuk mematuhi semua syarat yang dikenakan oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 8 Akta.
- (2) Seseorang penyelia yang tidak mematuhi subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

**BAHAGIAN VI****PENGASUH KANAK-KANAK DAN PENGASUH KANAK-KANAK BERDAFTAR  
TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK****Kelayakan pengasuh kanak-kanak dan pengasuh kanak-kanak berdaftar**

14. (1) Tertakluk kepada subperaturan (3), pengusaha hendaklah mengambil bekerja atau melantik apa-apa bilangan pengasuh kanak-kanak berdaftar bagi sesuatu taman asuhan kanak-kanak.
- (2) Pengasuh kanak-kanak berdaftar hendaklah seorang yang—
- (a) merupakan warganegara Malaysia;
  - (b) berumur lapan belas tahun dan ke atas;

- (c) telah lulus Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA;
- (d) berdaftar sebagai pengasuh kanak-kanak berdaftar di bawah peraturan 16.

(3) Pengusaha boleh mengambil bekerja atau melantik pengasuh kanak-kanak yang tidak memenuhi kelayakan yang disebut dalam perenggan (2)(c) dan (d) dengan syarat bahawa pengasuh kanak-kanak itu—

- (a) hadir dan lulus Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA; dan
- (b) berdaftar dengan Ketua Pengarah di bawah peraturan 16,

dalam masa dua belas bulan selepas diambil bekerja atau dilantik sebagai pengasuh kanak-kanak.

(4) Seseorang pengusaha yang tidak mematuhi subperaturan (1) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

### **Kewajipan pengasuh kanak-kanak dan pengasuh kanak-kanak berdaftar**

15. (1) Seorang pengasuh kanak-kanak dan pengasuh kanak-kanak berdaftar hendaklah mempunyai kewajipan yang berikut:

- (a) untuk menjaga kanak-kanak mengikut tugas yang diberikan oleh pengusaha, pengurus atau penyelia;
- (b) untuk memberi makan kepada kanak-kanak mengikut skala diet yang dinyatakan dalam Jadual Keempat dan kaedah penyusuan yang dinyatakan dalam Jadual Kelima;
- (c) untuk menjalankan aktiviti dalam atau luar bagi taman asuhan kanak-kanak sebagaimana yang dirancang oleh penyelia;
- (d) untuk memastikan bahawa keselamatan kanak-kanak sentiasa dilindungi semasa menjalankan aktiviti dalam perenggan (c);
- (e) untuk memaklumkan pengusaha, pengurus atau penyelia dengan segera, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau jika pengusaha, pengurus atau penyelia tiada, ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak, jika kanak-kanak itu memerlukan rawatan perubatan;
- (f) untuk memaklumkan pengusaha, pengurus atau penyelia dengan segera, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau jika pengusaha, pengurus atau penyelia tiada, untuk merujuk kanak-kanak dengan segera kepada pegawai perubatan untuk mendapatkan rawatan segera, jika pengasuh kanak-kanak atau pengasuh kanak-kanak berdaftar itu mempercayai bahawa terdapat suatu wabak atau penyakit berjangkit yang boleh mengancam kesihatan kanak-kanak itu;

- (g) untuk menyediakan laporan mengenai perkembangan kanak-kanak tiap-tiap tiga bulan kepada penyelia dan memberikan sesalinan laporan itu kepada ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu;
- (h) untuk mendapatkan suntikan pelalian yang berkaitan sebagaimana yang disyorkan oleh Jabatan Kesihatan; dan
- (i) untuk menjalani pemeriksaan perubatan dalam masa satu bulan selepas diambil bekerja atau dilantik sebagai pengasuh kanak-kanak atau pengasuh kanak-kanak berdaftar di taman asuhan kanak-kanak.

(2) Kewajipan yang disebut dalam perenggan (1)(c) dan (g) tidak terpakai bagi pengasuh kanak-kanak atau pengasuh kanak-kanak berdaftar bagi taman asuhan kanak-kanak di rumah.

(3) Seseorang pengasuh kanak-kanak atau pengasuh kanak-kanak berdaftar yang tidak mematuhi subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

#### **Pendaftaran pengasuh kanak-kanak**

16. (1) Tertakluk kepada subperaturan 14(3), semua pengasuh kanak-kanak hendaklah berdaftar dengan Ketua Pengarah.

(2) Seseorang hendaklah memohon bagi pendaftaran sebagai pengasuh kanak-kanak berdaftar kepada Ketua Pengarah dalam Borang D Jadual Pertama.

(3) Apabila permohonan di bawah subperaturan (2) diterima, Ketua Pengarah boleh mendaftarkan atau enggan untuk mendaftarkan orang itu sebagai pengasuh kanak-kanak berdaftar.

(4) Ketua Pengarah boleh enggan mendaftarkan seseorang sebagai pengasuh kanak-kanak berdaftar jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa—

- (a) orang itu ialah seorang yang tidak layak sama ada disebabkan oleh faktor umur, kesihatan atau kelayakan; atau
- (b) orang itu telah disabitkan dengan kesalahan yang berhubungan dengan keburukan akhlak, kesalahan seksual atau penderaan kanak-kanak.

#### **Pembatalan pendaftaran**

17. Ketua Pengarah boleh membatalkan pendaftaran pengasuh kanak-kanak sebagai pengasuh kanak-kanak berdaftar di bawah peraturan 16 jika—

- (a) pendaftaran bagi pengasuh kanak-kanak berdaftar di bawah peraturan 16 telah diperoleh melalui fraud atau salah nyataan;
- (b) pengasuh kanak-kanak berdaftar itu telah disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta atau Peraturan-Peraturan ini atau kesalahan yang berhubungan dengan keburukan akhlak, kesalahan seksual atau penderaan kanak-kanak;

- (c) diperintahkan oleh mahkamah untuk membatalkan pendaftaran pengasuh kanak-kanak berdaftar itu;
- (d) pengasuh kanak-kanak berdaftar itu tidak sempurna akal;
- (e) pengasuh kanak-kanak berdaftar itu meninggal dunia; atau
- (f) permohonan bagi pembatalan pendaftaran dikemukakan sendiri oleh pengasuh kanak-kanak berdaftar itu.

### **Nisbah**

18. (1) Pengusaha hendaklah memastikan bahawa nisbah bagi pengasuh kanak-kanak dan pengasuh kanak-kanak berdaftar dengan kanak-kanak di taman asuhan kanak-kanak adalah mengikut nisbah yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(2) Bagi maksud pengiraan nisbah di bawah subperaturan (1)—

- (a) berhubung dengan taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja, komuniti atau di institusi, pengusaha, pengurus, penyelia dan pekerja taman asuhan kanak-kanak itu tidak boleh dianggap sebagai pengasuh kanak-kanak atau pengasuh kanak-kanak berdaftar; dan
- (b) berhubung dengan taman asuhan kanak-kanak di rumah, pengusaha boleh dianggap sebagai pengasuh kanak-kanak atau pengasuh kanak-kanak berdaftar.

### **Daftar pengasuh kanak-kanak dan pengasuh kanak-kanak berdaftar**

19. Pengusaha atau penyelia hendaklah menyimpan dan menyenggarakan suatu daftar pengasuh kanak-kanak dan pengasuh kanak-kanak berdaftar dalam Borang E Jadual Pertama yang hendaklah mengandungi nama, alamat dan apa-apa butiran lain yang difikirkan perlu oleh Ketua Pengarah.

### **Pemeriksaan daftar**

20. (1) Seseorang boleh memohon kepada Ketua Pengarah secara bertulis bagi pemeriksaan daftar pengasuh kanak-kanak atau pengasuh kanak-kanak berdaftar.

(2) Apabila permohonan di bawah subperaturan (1) dan bayaran fi yang dinyatakan dalam subbutiran 4(a) Jadual Kedua diterima, Ketua Pengarah hendaklah membenarkan pemohon untuk memeriksa daftar itu.

(3) Seseorang boleh memohon kepada Ketua Pengarah secara bertulis bagi suatu salinan catatan dalam daftar yang diperakui oleh Ketua Pengarah untuk diberikan kepadanya.

(4) Apabila permohonan di bawah subperaturan (3) dan bayaran fi yang dinyatakan dalam subbutiran 4(b) Jadual Kedua diterima, Ketua Pengarah hendaklah memberikan salinan catatan yang diperakui itu kepada orang itu.

(5) Suatu salinan catatan dalam daftar yang diperakui oleh Ketua Pengarah hendaklah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, diterima sebagai keterangan sebagai bukti mengenai fakta yang dinyatakan dalamnya pada tarikh pemerakuan itu.

## BAHAGIAN VII

### PEKERJA TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK

#### **Kelayakan pekerja**

21. (1) Pengusaha hendaklah mengambil bekerja atau melantik apa-apa bilangan pekerja di taman asuhan kanak-kanak.

(2) Pekerja hendaklah seorang yang—

- (a) berumur lapan belas tahun dan ke atas; dan
- (b) berhubung dengan pekerja yang mengendalikan makanan, mempunyai perakuan pelalian yang dikeluarkan oleh pegawai perubatan bagi suntikan pelalian sebagaimana yang disyorkan oleh Jabatan Kesihatan.

#### **Kewajipan pekerja**

22. (1) Seorang pekerja hendaklah mempunyai kewajipan yang berikut:

- (a) untuk menjalankan tugas yang diberikan oleh pengusaha, pengurus atau penyelia dengan sepatutnya;
- (b) untuk memastikan keselamatan taman asuhan kanak-kanak jika pekerja itu diambil bekerja atau dilantik sebagai pengawal keselamatan; dan
- (c) untuk menjalani pemeriksaan perubatan dalam masa satu bulan selepas diambil bekerja atau dilantik sebagai pekerja di taman asuhan kanak-kanak.

(2) Seseorang pekerja yang tidak mematuhi subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.



## BAHAGIAN VIII

## IBU ATAU BAPA ATAU PENJAGA KANAK-KANAK

**Kewajipan ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak**

23. Seorang ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak yang diasuh di suatu taman asuhan kanak-kanak hendaklah mempunyai kewajipan yang berikut:

- (a) apabila kanak-kanak diterima masuk ke taman asuhan kanak-kanak, untuk memberitahu pengusaha, pengurus, penyelia, pengasuh kanak-kanak atau pengasuh kanak-kanak berdaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengenai—
  - (i) alahan kanak-kanak itu, jika ada; dan
  - (ii) apa-apa kecederaan yang dialami oleh kanak-kanak itu sebelum kanak-kanak itu diterima masuk ke taman asuhan kanak-kanak;
- (b) untuk mengambil tindakan segera untuk mendapatkan rawatan perubatan bagi kanak-kanak apabila diberitahu sedemikian oleh pengusaha, penyelia, pengasuh kanak-kanak atau pengasuh kanak-kanak berdaftar di bawah perenggan 9(1)(c), 13(1)(d) atau 15(1)(e); dan
- (c) untuk tidak membawa kanak-kanak ke taman asuhan kanak-kanak jika kanak-kanak itu mempunyai penyakit berjangkit.

**Ibu atau bapa atau penjaga hendaklah dimaklumkan mengenai keadaan kanak-kanak**

24. Pengusaha, pengurus, penyelia, pengasuh kanak-kanak atau pengasuh kanak-kanak berdaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah memaklumkan ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak tiap-tiap enam bulan mengenai perkara yang berikut:

- (a) pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak itu;
- (b) tahap penyertaan kanak-kanak itu dalam aktiviti harian di taman asuhan kanak-kanak;
- (c) kelakuan kanak-kanak itu di taman asuhan kanak-kanak;
- (d) kesihatan dan kebersihan diri kanak-kanak itu;
- (e) makanan dan pemakanan kanak-kanak itu; dan
- (f) keselamatan kanak-kanak itu.

## BAHAGIAN IX

## PREMIS DAN KELENGKAPAN TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK

**Premis bagi taman asuhan kanak-kanak di rumah**

25. Pengusaha taman asuhan kanak-kanak di rumah hendaklah menjalankan operasi taman asuhan kanak-kanak di premis kediamannya sahaja.

**Pengubahsuaian premis, dsb.**

26. (1) Pengusaha hendaklah memaklumkan Ketua Pengarah secara bertulis jika terdapat—

- (a) apa-apa perubahan kepada struktur premis yang menempatkan taman asuhan kanak-kanak;
- (b) apa-apa perubahan atau tambahan kepada kemudahan bilik air taman asuhan kanak-kanak;
- (c) apa-apa perubahan dalam sistem pengudaraan atau pencahayaan taman asuhan kanak-kanak; dan
- (d) apa-apa pembahagian mana-mana bilik atau ruang yang sedia ada di dalam premis taman asuhan kanak-kanak bagi maksud yang tidak berkaitan dengan aktiviti asuhan kanak-kanak.

(2) Seseorang pengusaha yang tidak mematuhi subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

**Luas lantai**

27. (1) Luas lantai minimum yang dikehendaki bagi setiap kanak-kanak di taman asuhan kanak-kanak adalah seperti yang berikut:

- (a) bagi taman asuhan kanak-kanak di rumah, sekurang-kurangnya 2.5 meter persegi; dan
- (b) bagi taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja, komuniti atau di institusi, sekurang-kurangnya 3.5 meter persegi.

(2) Bagi maksud pengiraan luas lantai di bawah subperaturan (1), luas lantai tidak termasuk—

- (a) berhubung dengan taman asuhan kanak-kanak di rumah, bilik yang didiami oleh anggota keluarga pengusaha, bilik stor, dapur, pantri dan bilik air;
- (b) berhubung dengan taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja, komuniti atau di institusi, bilik stor, dapur, pantri, pejabat, bilik air dan bilik yang digunakan oleh pengusaha, pengurus, penyelia, pengasuh kanak-kanak, pengasuh kanak-kanak berdaftar atau pekerja bagi maksud yang tidak berkaitan dengan aktiviti asuhan kanak-kanak; dan
- (c) mana-mana kawasan lain di dalam taman asuhan kanak-kanak yang difikirkan tidak sesuai oleh Ketua Pengarah untuk dimasukkan sebagai sebahagian daripada luas lantai.

**Dapur atau pantri**

28. Pengusaha hendaklah menyediakan dapur atau pantri di dalam suatu bilik, atau di kawasan yang terpencil atau tempat yang terlindung, berasingan daripada bilik atau kawasan yang digunakan untuk aktiviti asuhan kanak-kanak.

**Bilik air, dsb.**

29. (1) Pengusaha hendaklah menyediakan bilik air dan kemudahan untuk membasuh pakaian dan mandi di taman asuhan kanak-kanak bagi kegunaan kanak-kanak, pengurus, penyelia, pengasuh kanak-kanak, pengasuh kanak-kanak berdaftar atau pekerja taman asuhan kanak-kanak.

(2) Bilik air dan kemudahan untuk membasuh pakaian dan mandi yang disediakan di taman asuhan kanak-kanak hendaklah sesuai dan selamat untuk digunakan oleh kanak-kanak dan jika dikehendaki oleh Ketua Pengarah, pengadang hendaklah dibina oleh pengusaha untuk memastikan keselamatan kanak-kanak.

(3) Setiap taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja, komuniti atau di institusi hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya satu bilik air bagi sepuluh orang kanak-kanak.

(4) Bilik air di semua taman asuhan kanak-kanak—

(a) hendaklah disenggarakan dalam keadaan bersih pada setiap masa; dan

(b) tidak boleh digunakan bagi apa-apa maksud lain.

**Pendawaian elektrik, dsb.**

30. (1) Pengusaha, pengurus atau penyelia hendaklah mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa pendawaian elektrik termasuklah suis, soket, sambungan pendawaian dan perkara lain yang berhubungan dengan pendawaian elektrik dalam keadaan baik dan selamat untuk kanak-kanak.

(2) Seseorang pengusaha, pengurus atau penyelia yang tidak mematuhi subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

**Penyenggaraan, dsb. premis taman asuhan kanak-kanak**

31. (1) Pengusaha, pengurus atau penyelia hendaklah menyenggarakan premis taman asuhan kanak-kanak dengan sepatutnya.

(2) Cat yang digunakan bagi taman asuhan kanak-kanak hendaklah sesuai dan selamat bagi kanak-kanak.

(3) Pengusaha hendaklah membina pengadang yang sesuai di mana-mana jua yang sesuai di taman asuhan kanak-kanak dengan apa-apa cara bagi memastikan keselamatan kanak-kanak.

(4) Pengusaha hendaklah memastikan bahawa premis yang digunakan sebagai taman asuhan kanak-kanak mempunyai sistem pengudaraan dan pencahayaan yang baik.

**Kelengkapan hendaklah disediakan di taman asuhan kanak-kanak**

32. (1) Tertakluk kepada subperaturan (3), pengusaha hendaklah menyediakan kelengkapan yang berikut bagi kegunaan kanak-kanak di taman asuhan kanak-kanak:

- (a) kelengkapan tempat tidur termasuk tilam, bantal, cadar, sarung bantal dan selimut;
- (b) perabot termasuklah perhiasan dalaman;
- (c) bilangan mainan dan kelengkapan lain yang mencukupi bagi aktiviti bermain; dan
- (d) apa-apa kelengkapan lain yang sesuai bagi kegunaan kanak-kanak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Pengusaha hendaklah menyediakan mainan dan kelengkapan lain bagi aktiviti bermain yang berupaya untuk memberi kanak-kanak peluang untuk menggunakan daya pengembaraan, reka cipta, koordinasi dan imaginasi dalam aktiviti bermain.

(3) Kehendak bagi kelengkapan yang disebut dalam perenggan (1)(b) dan (c) tidak terpakai bagi taman asuhan kanak-kanak di rumah.

**Kebersihan dan keselamatan kelengkapan**

33. Pengusaha, pengurus atau penyelia hendaklah memastikan bahawa kelengkapan yang disebut dalam peraturan 32—

- (a) disenggarakan dalam keadaan bersih;
- (b) sesuai mengikut tahap perkembangan kanak-kanak termasuklah umur dan keperluan kanak-kanak itu; dan
- (c) selamat untuk kanak-kanak.

**Buaian atau katil budak**

34. (1) Pengusaha boleh menyediakan buaian atau katil budak bagi kanak-kanak di taman asuhan kanak-kanak.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), pengusaha tidak boleh menyediakan apa-apa bentuk atau jenis buaian atau katil budak yang dikendalikan dengan cara ayunan atau goncangan.

(3) Seseorang pengusaha yang tidak mematuhi subperaturan (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

## BAHAGIAN X

## KESELAMATAN DAN PENCEGAHAN KEBAKARAN

**Nasihat mengenai pencegahan kebakaran**

35. (1) Pengusaha hendaklah mendapatkan nasihat daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat mengenai pencegahan kebakaran dari semasa ke semasa dan hendaklah mematuhi nasihat itu.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subperaturan (1), pengusaha hendaklah—

- (a) menyediakan alat pemadam api yang mencukupi dan berfungsi di taman asuhan kanak-kanak;
- (b) mengadakan latihan berhubung dengan pengosongan premis taman asuhan kanak-kanak sekiranya berlaku kecemasan yang hendaklah termasuk penggunaan semua pintu keluar dari premis itu sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap tiga bulan;
- (c) memastikan bahawa semua pintu keluar dari tiap-tiap bilik di taman asuhan kanak-kanak adalah bebas daripada halangan pada setiap masa;
- (d) mengadakan latihan kebakaran tahunan yang hendaklah termasuk pengosongan premis taman asuhan kanak-kanak sehingga ke jalan keluar di tingkat bawah;
- (e) menyimpan dan menyenggarakan rekod mengenai latihan kebakaran dan masa yang diambil untuk mengosongkan taman asuhan kanak-kanak; dan
- (f) menyediakan apa-apa langkah keselamatan lain yang sesuai mengenai pencegahan kebakaran sebagaimana yang dinasihatkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.

(3) Perenggan (2)(b), (d) dan (e) tidak terpakai bagi taman asuhan kanak-kanak di rumah.

(4) Seseorang pengusaha yang tidak mematuhi subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

**Gril hendaklah dipasang**

36. (1) Pengusaha hendaklah memasang gril di mana-mana jua yang sesuai di premis taman asuhan kanak-kanak untuk memastikan keselamatan kanak-kanak.

(2) Seseorang pengusaha yang tidak mematuhi subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

## BAHAGIAN XI

## PENYENGGARAAN REKOD

**Rekod**

37. (1) Pengusaha, pengurus atau penyelia, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah menyimpan dan menyenggarakan rekod yang berikut:

- (a) nama dan alamat rumah setiap orang kanak-kanak yang diterima masuk ke taman asuhan kanak-kanak;
- (b) nama dan alamat rumah sekurang-kurangnya ibu atau bapa atau penjaga setiap kanak-kanak yang diterima masuk ke taman asuhan kanak-kanak;
- (c) nama dan alamat ibu atau bapa atau penjaga setiap kanak-kanak yang boleh dihubungi dalam hal sakit atau kecemasan semasa kanak-kanak berada di taman asuhan kanak-kanak;
- (d) nama, alamat dan kelayakan setiap pengusaha, pengurus, penyelia, pengasuh kanak-kanak, pengasuh kanak-kanak berdaftar dan pekerja bagi taman asuhan kanak-kanak;
- (e) daftar kemasukan yang menunjukkan tarikh kemasukan kanak-kanak ke taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja, komuniti dan di institusi;
- (f) daftar yang menunjukkan kehadiran harian kanak-kanak ke taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja, komuniti atau di institusi;
- (g) nama, nombor kad pengenalan, alamat dan apa-apa butiran lain yang berhubungan dengan mana-mana orang, selain ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak, yang membawa kanak-kanak ke, dan mengambil kanak-kanak dari, taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja, komuniti atau di institusi;
- (h) suatu salinan kad rekod kesihatan yang menunjukkan butiran mengenai perubahan dalam pembesaran dan perkembangan setiap kanak-kanak semasa kanak-kanak itu berada di taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja, komuniti atau di institusi, termasuklah butiran mengenai apa-apa kemalangan yang berlaku atau penyakit yang dihadapi dan tindakan yang diambil berhubung dengan kemalangan atau penyakit itu; dan
- (i) apa-apa rekod lain yang ditentukan oleh Ketua Pengarah untuk disimpan dan disenggarakan di taman asuhan kanak-kanak.

(2) Pengusaha, pengurus atau penyelia, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah mengemaskinikan rekod dan menjadikan rekod tersedia bagi pemeriksaan oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai diberi kuasa.

(3) Seseorang pengusaha, pengurus atau penyelia yang tidak mematuhi subperaturan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

## BAHAGIAN XII

## AKTIVITI TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK

**Jadual aktiviti**

38. (1) Pengusaha atau penyelia hendaklah merancang jadual aktiviti harian bagi kanak-kanak di taman asuhan kanak-kanak yang mengandungi—

- (a) aktiviti dalam dan luar yang sesuai dengan umur dan tahap perkembangan kanak-kanak berdasarkan kategori umur yang berikut:
  - (i) dari lahir hingga satu tahun;
  - (ii) satu tahun ke atas hingga tiga tahun; dan
  - (iii) tiga tahun ke atas hingga empat tahun; dan
